

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE in duplicate at Kuala Lumpur this 27th day of July 1995, each in Mongolian Language, Bahasa Malaysia and the English Language, the three texts being equally authentic. In the event of there being a dispute in the interpretation and the application of this Agreement, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF
MONGOLIA

Made 5 October 1995.

[Perb. 0.6869/74; PN. (PU²) 80A.]

ANWAR IBRAHIM,
Minister of Finance

(To be laid before the Dewan Rakyat in pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967.)

P.U. (A) 398.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 DAN AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN NEGARA THAILAND) 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(1) Akta 53. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah 45/67. yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Nama. Dua Kali (Kerajaan Negara Thailand) 1995.**

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Thailand dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Thailand (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan itu) dan bahawa adalah suaimanfaat supaya perkiraan itu dikuatkuasakan.

Pelepasan cukai dua kali.

JADUAL

PROTOKOL BAGI MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN
MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA THAILAND
BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS
PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI DI KUALA LUMPUR
PADA 29HB MAC 1982

Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Thailand;

Berhasrat untuk membuat suatu Protokol untuk meminda Perjanjian antara Kerajaan-Kerajaan Pejanji bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan, yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 29hb Mac 1982 (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian");

Telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

Perkara 3 Perjanjian hendaklah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subperenggan 1(j) yang berikut:

"(k) istilah "Pihak Berkuasa Bersama" ertinya Pihak Berkuasa yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 dan dalam seksyen 4 Akta Pihak Berkuasa Bersama Thailand-Malaysia B.E. 2533;

(l) istilah "Kawasan Pembangunan Bersama"ertinya kawasan yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 dan dalam seksyen 4 Akta Pihak Berkuasa Bersama Thailand-Malaysia B.E. 2533."

Perkara 2

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara 7 Perjanjian:

"Perkara 7A

PENDAPATAN ATAU KEUNTUNGAN PERNIAGAAN
DARI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

1. (a) Pendapatan atau keuntungan yang diperolehi oleh seseorang yang melaksanakan hak untuk menjelajah dan mengeksploit petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama di bawah suatu kontrak yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji.

(b) Pendapatan atau keuntungan yang diperolehi oleh seseorang yang menjalankan aktiviti-aktiviti secara langsung berhubung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum di Kawasan Pembangunan bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara

Pejanji. Pihak berkuasa kompeten kedua-dua Negara Pejanji hendaklah berhubung antara satu sama lain untuk mengenalpasti secara langsung aktiviti berhubung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama.

2. Jika pendapatan itu dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji, cukai yang boleh dikenakan di setiap Negara Pejanji hendaklah dikurangkan lima puluh peratus daripadanya."

Perkara 3

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara 12 Perjanjian:

"Perkara 12A

ROYALTI DARI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

1. Royalti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perkara 12 yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti di Kawasan Pembangunan Bersama dan dicajkan sebagai suatu perbelanjaan daripada perniagaan yang dijalankan oleh seseorang yang disebutkan dalam perenggan 1(a) atau (b) Perkara 7A boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji.

2. Jika pendapatan itu boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji, cukai yang boleh dikenakan di setiap Negara Pejanji hendaklah dikurangkan lima puluh peratus daripadanya."

Perkara 4

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara 14 Perjanjian:

"Perkara 14A

PERKHIDMATAN PERSONAL DI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA ATAU DENGAN PIHAK BERKUASA BERSAMA

1. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14 dan 15, apa-apa saraan yang diperolehi oleh seseorang rakyat satu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dilaksanakan di Kawasan Pembangunan Bersama atau dengan Pihak Berkuasa Bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji yang dia adalah seorang pemastautin.

2. Apa-apa saraan yang diperolehi oleh seseorang (selain daripada rakyat satu Negara Pejanji) berkenaan dengan pekerjaan yang dilaksanakan di Kawasan Pembangunan Bersama atau dengan Pihak Berkuasa Bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji. Jika saraan itu boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji, cukai yang boleh dikenakan di setiap Negara Pejanji hendaklah dikurangkan dengan suatu amaun bersamaan dengan lima puluh peratus daripadanya.

3. Apa-apa pendapatan yang diperolehi oleh mana-mana orang berkenaan dengan perkhidmatan personal (termasuk profesional) yang dilaksanakan atau dijalankan di Kawasan Pembangunan Bersama atau dengan Pihak Berkuasa Bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji. Jika pendapatan itu boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji, cukai yang boleh dikenakan di setiap Negara Pejanji hendaklah dikurangkan dengan suatu amaun bersamaan dengan lima puluh peratus daripadanya.

4. Bagi maksud Perkara ini, pekerjaan yang dilaksanakan di Kawasan Pembangunan Bersama ertinya pekerjaan dengan orang yang disebutkan dalam perenggan 1(a) atau (b) Perkara 7A yang hanya berkaitan dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama."

Perkara 5

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara 20 Perjanjian:

"Perkara 20A

FEE TEKNIKAL DARI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

1. Fee Teknikal yang diperolehi dari Kawasan Pembangunan Bersama boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji. Jika fee teknikal itu boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Pejanji, cukai yang boleh dikenakan di setiap Negara Pejanji hendaklah dikurangkan dengan suatu amaun bersamaan dengan lima puluh peratus daripadanya.

2. Istilah "fee teknikal" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang selain daripada kepada seseorang pekerja orang yang membuat bayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang berbentuk teknikal, pengurusan atau perundingan.

3. Bagi maksud Perkara ini, fee teknikal yang diperolehi dari Kawasan Pembangunan Bersama ertinya fee teknikal yang disebutkan dalam perenggan 2 yang hanya berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh orang yang disebutkan dalam perenggan 1(a) atau (b) Perkara 7A."

"Perkara 6

Perkara 23 Perjanjian hendaklah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perenggan 5 yang berikut:

"6. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidak terpakai kepada cukai yang kena dibayar di setiap Negara Pejanji menurut peruntukan Perkara 7A, 12A, 14A dan 20A."

Perkara 7

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi mengenai penyiapan prosedur-prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi penguatkuasaan Protokol ini yang akan menjadi suatu bahagian integral Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan yang paling lewat disiapkan oleh mana-mana Negara Pejanji dan, tertakluk kepada peruntukan perenggan 3 Perkara ini, hendaklah berkuatkuasa bagi pendapatan mana-mana tahun kalendar atau tempoh-tempoh pengakaunan yang bermula pada atau selepas 1 haribulan Januari 1992.
2. Perkara 2, 3, 4 dan 5 Protokol ini hendaklah juga terpakai, walau apa pun peruntukan Perkara 1 Perjanjian, kepada orang yang bukan pemastautin satu atau kedua-dua Negara Pejanji.
3. Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada suatu masa tertentu sebagaimana Perjanjian terhenti daripada berkuatkuasa menurut Perkara 29 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

Dibuat dalam dua salinan di Bangkok pada 10 haribulan Februari 1995 dalam Bahasa Thai, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, ketiga-tiga teks adalah sama sahinya.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI KERAJAAN
NEGARA THAILAND

DATO 'ZAINAL ABIDIN ALIAS,
Duta Besar Malaysia

THAKSIN SHJNAWATRA,
Menteri Luar Negeri Thailand

Dibuat 5 Oktober 1995.
[Perb. 0.6869/74; PN. (PU²)80A.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petrol eum (Cukai Pendapatan) 1967.)

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE
KINGDOM OF THAILAND) ORDER 1995

Act 53.
45167.

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following order:

Citation.

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Kingdom of Thailand) Order 1995.**

Double taxation
relief.

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Kingdom of Thailand with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Thai tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT
OF THE KINGDOM OF THAILAND FOR THE AVOIDANCE
OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION
WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME SIGNED AT
KUALA LUMPUR ON 29TH MARCH 1982

The Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of Thailand;

Desiring to conclude a Protocol to amend the Agreement between the Contracting Governments for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, signed at Kuala Lumpur on 29th March 1982 (hereinafter referred to as "the Agreement");

Have agreed as follows:

Article 1

Article 3 of the Agreement shall be amended by inserting immediately after sub-paragraph 1(j) the following:

"(k) the term "Joint Authority" means the Authority defined in section 2 of the Malaysia-Thailand Joint Authority Act 1990 and in section 4 of the Thailand-Malaysia Joint Authority Act B.E. 2533;

- (1) the term "Joint Development Area" means the area defined in section 2 of the Malaysia-Thailand Joint Authority Act 1990 and in section 4 of the Thailand -Malaysia Joint Authority Act B.E. 2533"

Article 2

The following new Article shall be inserted immediately after Article 7 of the Agreement:

"Article 7A

BUSINESS INCOME OR PROFITS FROM THE JOINT DEVELOPMENT AREA

1. (a) Income or profits derived by a person exercising the right to explore and exploit any petroleum in the Joint Development Area under a contract awarded by the Malaysia-Thailand Joint Authority may be taxable in both Contracting States.

(b) Income or profits derived by a person from carrying out activities directly related to exploration and exploitation of any petroleum in the Joint Development Area may be taxable in both Contracting States. The competent authority of both Contracting States shall communicate with each other to identify activities directly related to exploration and exploitation of any petroleum in the Joint Development Area.

2. Where such income is taxable in both Contracting States, the tax chargeable in each Contracting State shall be reduced by fifty per cent thereof."

Article 3

The following new Article shall be inserted immediately after Article 12 of the Agreement:

"Article 12A

ROYALTIES FROM THE JOINT DEVELOPMENT AREA

1. Royalties as defined in Article 12 arising from activities in the Joint Development Area and charged as an expense of a business carried out by a person referred to in paragraph 1(a) or (b) of Article 7A may be taxable in both Contracting States.

2. Where such income is taxable in both Contracting States, the tax chargeable in each Contracting State shall be reduced by fifty per cent thereof".

Article 4

The following new Article shall be inserted immediately after Article 14 of the Agreement:

"Article 14APERSONAL SERVICES IN THE JOINT DEVELOPMENT
AREA OR WITH THE JOINT AUTHORITY

1. Notwithstanding the provisions of Articles 14 and 15, any remuneration derived by a national of a Contracting State in respect of an employment exercised in the Joint Development Area or with the Joint Authority shall be taxable only in the Contracting State of which he is a resident.
2. Any remuneration derived by a person (other than the national of a Contracting State) in respect of an employment exercised in the Joint Development Area or with the Joint Authority may be taxable in both Contracting States. Where such remuneration is taxable in both Contracting States, the tax chargeable in each Contracting State shall be reduced by an amount equal to fifty per cent thereof.
3. Any income derived by any person in respect of personal (including professional) services performed or carried out in the Joint Development Area or with the Joint Authority may be taxable in both Contracting States. Where such income is taxable in both Contracting States, the tax chargeable in each Contracting State shall be reduced by an amount equal to fifty per cent thereof.
4. For the purposes of this Article, employment exercised in the Joint Development Area means employment with persons referred to in paragraph 1(a) or (b) of Article 7A solely in connection with the exploration and exploitation of petroleum in the Joint Development Area".

Article 5

The following new Article shall be inserted immediately after Article 20 of the Agreement:

"Article 20A

TECHNICAL FEES FROM THE JOINT DEVELOPMENT AREA

1. Technical fees derived from the Joint Development Area may be taxable in both Contracting States. Where such technical fees is taxable in both Contracting States, the tax chargeable in each Contracting State shall be reduced by an amount equal to fifty per cent thereof.
2. The term "technical fees" as used in this Article means payments of any kind to any person other than to an employee of the person making the payments, in consideration for any services of a technical, managerial or consultancy nature.
3. For the purposes of this Article, technical fees derived from the Joint Development Area means technical fees referred to in paragraph 2 solely in connection with the activities carried out by persons referred to in paragraph 1(a) or (b) of Article 7A."

Article 6

Article 23 of the Agreement shall be amended by inserting immediately after paragraph 5 the following:

"6. The provisions of this Article shall not apply to tax payable in each Contracting State in accordance with the provisions of Articles 7A, 12A, 14A and 20A."

Article 7

APPLICATION OF PROTOCOL

1. Each of the Contracting States shall notify to the other the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the date of the later of these notifications and, subject to the provisions of paragraph 2 of this Article, shall have effect for the income of the calendar years or accounting periods beginning on or after the first day of January of 1992.
2. This Protocol shall also apply, notwithstanding Article 1 of the Agreement, to persons who are not resident to one or both of the Contracting States.
3. This Protocol shall cease to be effective at such a time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article 29 of the Agreement.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

Done in duplicate at Bangkok on this 10th day of February 1995 in the Thai, Bahasa Malaysia and the English languages, the three texts being equally authoritative.

FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF
THE KINGDOM OF THAILAND

(H.E. DATO' ZAINAL ABIDIN ALIAS)
*Ambassador Extraordinary
and Plenipotentiary*

(H.E. THAKSIN SHINAWATRA)
Minister of Foreign Affairs

Made 5 October 1995.
[Perb. O.6869/74; PN. (PU²)80A.]

ANWAR IBRAHIM,
Minister of Finance

(To be laid before the Dewan Rakyat in pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967.)